Selain jumlah bank, jumlah deposit yang diterima di bawah SPI turut bertambah. Buktinya, selepas 5 bulan pelancaran Skim Perbankan Islam, ketiga-tiga bank yang dibenarkan menawarkan skim ini pada peringkat pengenalan, iaitu Bank Bumiputera Malaysia Berhad, Malayan Banking Berhad dan United Malayan Banking Corporation telah berjaya mengumpul sebanyak RM90 juta daripada 9,916 pendeposit melalui akaun simpanan dan 866 pendeposit melalui akaun pelaburan (Radiah, 1997:268). Tahun-tahun berikutnya SPI terus mengalami peningkatan jumlah deposit.

Persoalannya, adakah perkembangan dan pertumbuhan bank dan peningkatan jumlah deposit itu menggambarkan bahawa SPI yang ditawarkan telah diterima sepenuhnya oleh orang ramai. Persoalan ini wajar dicarikan jawapan bagi memastikan bahawa SPI yang diperkenalkan selama ini benar-benar telah diterima oleh seluruh masyarakat di negara ini.

Selain itu, penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti sebab-sebab kurang berminat di kalangan orang-orang Islam untuk berurusan dengan SPI. Datuk Ahmad Tajuddin Abdul Rahman; Pengarah Urusan BIMB, telah melaporkan bahawa 50% pelanggan BIMB adalah terdiri daripada kaum bukan Islam, terutamanya dari sektor kewangan dan perdagangan (*Utusan Malaysia*, 10 April 1998). Datuk Dr. Affifuddin Omar, Timbalan Menteri Kewangan, menyatakan bahawa daripada 14,000 pelanggan skim *Al-Mudharabah* di sebuah bank terkemuka di negara ini, 12,000 adalah daripada kaum Cina manakala selebihnya (14.3%) sahaja adalah pelanggan di kalangan masyarakat Islam (<http://www.utusan.com.my/archives/> - akses pada 20.9.2000).

Kenyataan ini sungguh memeranjatkan. Padahal pada peringkat awal penubuhan BIMB telah dilaporkan hanya antara 2 atau 3 peratus sahaja pelanggan awal perkhidmatan SPI adalah bukan Islam. Kini peratusan pengguna SPI di kalangan orang-orang Islam telah merosot berbanding dengan peratusan pengguna SPI oleh orang bukan Islam. Perkara ini merupakan suatu persoalan yang perlu diberikan perhatian. Biarpun dari satu sudut, orang-orang Islam boleh berbangga dengan penglibatan orang-orang bukan Islam dalam SPI tetapi pada masa yang sama kita juga hairan dengan sambutan dingin daripada orang-orang Islam sendiri. Sedangkan SPI diwujudkan adalah bagi memberikan ruang dan galakan kepada umat Islam di negara ini berurusan dalam satu sistem perbankan tanpa *riba*? Persoalan ini menarik minat penyelidik untuk mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan orang-orang Islam kurang berminat untuk menyertai SPI.

Selain persoalan yang diungkit di atas terdapat pula dakwaan bahawa kononnya di peringkat awal pengoperasian BIMB kerajaan telah gagal menerapkan unsur-unsur Islam dalam perkhidmatan yang disediakan oleh bank ini (*Berita Harian*, 14 Jun 1983). Kenyataan negatif terhadap BIMB dilemparkan bahawa kononnya tugas bank ini adalah mengambil wang orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin (*Berita Harian*, 30 Mei 1983). Apakah dakwaan-dakwaan seperti ini telah dan masih mempengaruhi fikiran orang ramai khususnya di kalangan orang-orang kaya untuk tidak berurusan dengan sistem ini?. Adalah diharapkan penyelidikan mampu menjelaskan persoalan ini.

Sesetengah pihak pula mendakwa bahawa syarat-syarat yang ditetapkan di bawah SPI bagi produk yang berbentuk pinjaman dan kontrak adalah kurang munasabah. Dakwaan ini timbul ekoran dari tindakan BIMB yang telah mengenakan syarat-syarat pinjaman yang ketat kepada para peminjam sama ada syarikat mahupun orang perseorangan

(Berita Harian, 30 Mei 1983). BIMB menjelaskan penerapan syarat-syarat yang sedemikian itu adalah bertujuan memastikan pinjaman yang dilakukan tidak digunakan untuk pengeluaran yang dilarang oleh Islam. Rentetan daripada permasalahan ini timbul dakwaan bahawa produk-produk SPI yang ditawarkan di Malaysia pada masa sekarang adalah tidak mengikut prinsip-prinsip Islam yang mementingkan kebajikan, tetapi berbentuk penindasan. Hatta terdapat pihak yang mendakwa tidak wujud perbezaan di antara SPI dengan SPK. Lantaran mereka berpendapat terdapat wang yang dilaburkan melalui SPI turut terlibat dengan pelaburan berunsur *riba'* sepertimana lazimnya yang terdapat di dalam SPK (Abdur-Razzaq, t.t:9).

Persoalan dan permasalahan yang diungkap di atas amat perlu di cari jawapan. Sejauhmanakah masalah ini wujud disebabkan oleh produk-produk SPI yang ditawarkan kurang menarik, tidak mencukupi, membeban atau menyusahkan dan kurangnya promosi yang menyebabkan peratusan orang Islam yang menggunakan skim ini begitu kurang. Perlu ditinjau dan diamati adakah tiada perbezaan antara SPI atau SPK atau adakah benar dakwaan bahawa SPI tidak memenuhi hukum *syariah'*?. Apakah semua ini mempengaruhi pilihan sistem perbankan orang-orang Islam. Bagaimanakah pula dengan tanggapan orang bukan Islam terhadap SPI?. Semua persoalan ini cuba dijawab melalui penyelidikan.

### 1.3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 1.3.1 Objektif Penyelidikan

Objektif umum penyelidikan ini ialah meninjau persepsi dan penerimaan masyarakat Pulau Pinang terhadap SPI, merangkumi perkembangan institusi dan perkembangan

produk yang ditawarkan olehnya. Manakala objektif khusus penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- 1) Untuk meninjau persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap perkembangan dan daya saing SPI pada masa sekarang dan masa hadapan.
- 2) Untuk menganalisis persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap kecukupan perkhidmatan dan produk-produk SPI yang ditawarkan.
- 3) Untuk meneliti kecukupan promosi SPI yang dijalankan di negeri ini.
- 4) Untuk mengenalpasti penerimaan masyarakat Pulau Pinang dapat menerima SPI sebagai pengganti atau alternatif kepada SPK.
- 5) Untuk menilai produk-produk SPI yang ditawarkan daripada kaca mata *syariah*.

Empat daripada lima objektif khusus itu iaitu objektif 1, 2, 3 dan 4 akan dikumpul maklumbalas daripada masyarakat Pulau Pinang, manakala objektif kelima dimasukkan sebagai objektif tambahan penyelidikan ini. Bagi mendapatkan jawapan penjelasan daripada beberapa tokoh agama berwibawa negara yang terpilih untuk menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan produk SPI dan *syariah*.

### 1.3.2 Penjelasan Persepsi Dalam Objektif Penyelidikan

Keseluruhan objektif ini adalah berkisar pada persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap SPI dan produknya. Oleh kerana istilah persepsi mempunyai pelbagai makna penjelasan tentangnya perlu diberikan di sini bagi mengelak salah tanggapan terhadap objektif penyelidikan ini.

Menurut Mc Burney (1977), persepsi bermakna bertindak memilih. Walaupun persekitaran adalah punca utama kepada tindakbalas sesuatu organisma, hanya

persekitaran tertentu sahaja yang menunjukkan tindakbalas terhadap masa tertentu. Bagi Liona Roth dan P.Frisby (1986), persepsi bermaksud informasi yang diperolehi daripada persekitaran melalui sensasi organ yang menukarkan objek, peristiwa, bunyi, rasa dan sebagainya kepada satu bentuk pengalaman. Berbeza pula dengan Pelling (1971), beliau melihat persepsi sebagai bukanlah suatu konsep saintifik yang perlu dijelaskan. Ia adalah pemudahcara atau istilah dalam proses komunikasi, oleh itu ia tidak memerlukan perkataan yang jitu dan tepat untuk menjelaskan proses tersebut. Definisi persepsi tidak dapat dijelaskan dengan perkataan ataupun formula. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994:1025) pula persepsi bermaksud bayangan atau gambaran dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan.

Adalah jelas bahawa "persepsi" mempunyai pelbagai maksud dan definisi. Untuk penyelidikan ini, maksud definisi yang digunapakai adalah menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. Ia adalah merujuk kepada pandangan atau tanggapan. Ini bermakna intipati tujuan penyelidikan ini adalah melihat pandangan dan tanggapan masyarakat di Pulau Pinang terhadap SPI.

### 1.3.3 Persoalan Yang Mahu Dijawab

Pada umumnya lima persoalan pokok dibentuk untuk dijawab oleh penyelidikan ini. Empat daripada lima persoalan itu adalah persoalan utama khusus ditujukan kepada penduduk Pulau Pinang sebagai sampel penyelidikan. Satu lagi persoalan dinukil sebagai persoalan tambahan dan ia tidak mempunyai kaitan jawapan persepsi dan sampel penyelidikan di atas tetapi sebaliknya persoalan ditujukan khas kepada tokoh-tokoh agama yang terdiri daripada mufti kerajaan-kerajaan negeri. Pemilihan mufti-mufti

difikirkan sesuai apabila memberi pandangan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan syariah.

**Persoalan Pertama 1 (P1):**

P1 adalah tinjauan persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap perkembangan dan kedudukan SPI di negeri ini. Apakah dengan SPK yang begitu kuat masih mampu SPI bertapak dan berkedudukan baik dalam masyarakat Pulau Pinang pada masa sekarang dan bagaimanakah pula dengan perkembangannya pada masa hadapan. Sejauhmanakah SPI dapat bersaing dengan SPK yang terlebih dahulu bertapak (sejak tahun 1859) di negeri ini?.

Persoalan utama (P1) ini dituruti dengan beberapa persoalan kecil atau sub-persoalan yang bertujuan memberi gambaran lebih jelas tentang persoalan utama yang dikaji. Berikut adalah sub-persoalan yang dimaksudkan yang diajukan dalam bentuk kenyataan positif :-

- i. Perkembangan SPI di negeri ini pada masa sekarang adalah lebih memuaskan.
- ii. SPI dapat berkembang dengan lebih pesat pada masa hadapan.
- iii. SPI dapat bersaing dengan SPK pada masa hadapan.

**Persoalan Kedua (P2):**

P2 diaju dengan andaian bahawa perkembangan SPI turut mempengaruhi perkembangan produk-produk SPI yang ditawarkan. Manakala produk yang bermutu dapat menarik minat orang ramai untuk berurusan dengan SPI. Di sini masyarakat Pulau Pinang diminta memberikan pandangan terhadap produk-produk SPI yang ditawarkan pada masa sekarang. Kenyataan bagi persoalan P2 ini ialah

*“Masyarakat Pulau Pinang mempunyai persepsi yang baik terhadap produk produk SPI yang ditawarkan”.*

Di bawah P2 ini disusuli juga dengan beberapa sub-persoalan sebagaimana kenyataan positif berikut :-

- i. Produk-produk SPI yang ditawarkan sekarang adalah mencukupi;
- ii. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas produk yang berbentuk pinjaman dan kontrak adalah ringan (tidak membeban) dan mudah (tidak menyusahkan).
- iii. Produk-produk SPI yang ditawarkan pada masa sekarang meliputi kesemua produk yang ditawarkan oleh SPK.

Persoalan Ketiga (P3) :

P3 mempunyai hubungan yang rapat dengan P1 dan P2. ia adalah berkaitan dengan promosi SPI dalam penyebaran maklumat dan memberikan penjelasan mendalam tentang perkembangan dan kelebihan produk SPI yang ditawarkan. P3 disebut dalam kenyataan adalah seperti berikut :-

*“Masyarakat Pulau Pinang mendapat penjelasan yang mencukupi tentang kedudukan dan kelebihan produk SPI yang ditawarkan melalui promosi oleh bank yang menawarkannya”.*

Persoalan Keempat (P4) :

P4 dibentuk bertujuan mengenalpasti penerimaan masyarakat Pulau Pinang terhadap SPI, sama ada mereka telah dapat menerima SPI sebagai pengganti atau alternatif kepada SPK dalam urusan perbankan mereka atau tidak. Kenyataan persoalan keempat (P4) ini ialah

:-



*“Masyarakat Pulau Pinang dapat menerima SPI yang diperkenalkan sama ada sebagai pengganti atau alternatif kepada SPK dalam urusan perbankan”.*

**Persoalan Kelima (P5) :**

Untuk mencari jawapan kepada dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan sesetengah produk SPI yang ditawarkan tidak menepati prinsip-prinsip *syariah*. Jawapan dan penjelasan tokoh-tokoh agama negara ini dicari bagi menjawab persoalan ini. Kenyataan P5 ialah :-

*“Setiap produk SPI yang ditawarkan adalah menepati prinsip-prinsip syariah”.*

Adalah diharapkan penyelidikan ini dapat menjawab setiap persoalan yang dibentuk.

**1.3.4 Asas Penerimaan dan Penolakan Sesuatu Sampel**

Sesuatu persoalan yang dikemukakan dinilai dan diputuskan sama ada menerima atau menolak. Dalam penyelidikan ini penyelidik memilih asas penerimaan berdasarkan majoriti mudah (*simple majority*). Data yang dikutip disusun mengikut pembolehubah yang dikenalpasti dan direkodkan kekerapan atau frekuensinya. Ketentuan menerima atau menolak sesuatu persoalan penyelidikan yang dibentuk adalah mengikut frekuensi. Jika frekuensi relatif bersamaan atau melebihi 50% persoalan itu akan diterima. Sebaliknya persoalan penyelidikan akan ditolak jika frekuensi relatif kurang 50%. Berikut adalah ringkasan sukatan yang dibentuk :-

- i) Sekiranya jumlah sampel yang menyokong persoalan penyelidikan sama atau melebihi 50%, persoalan penyelidikan akan diterima.

- ii) Sekiranya jumlah sampel yang menyokong persoalan penyelidikan kurang daripada 50%, persoalan penyelidikan akan ditolak.


### 1.3.5 Populasi dan Sampel Penyelidikan

#### a) Populasi Penyelidikan

Menurut Jerome (1969), populasi ialah satu set pemerhatian. Jika satu populasi itu telah wujud, persampelan tidak perlu dilakukan lagi. Sebaliknya jika populasi itu tidak wujud apa yang dikatakan benar mengenai populasi tersebut diperoleh daripada sebahagian perkara yang diketahui darinya. Bagi Amir H. Baharuddin (1993) pula, populasi didefinisikan sebagai satu golongan manusia yang berkait dengan isu dan masalah tertentu. Dalam alam sebenar, terdapat beratus masalah besar-kecil dan mikro-makro. Beliau seterusnya menekankan bahawa populasi ditetapkan oleh masalah di mana masalah membahagikan seluruh unit-unit alam sebenar kepada populasi tertentu berkait dengan satu-satu masalah atau isu sosial. Manakala menurut Ahmad Mahdzan (1989), populasi ialah sekumpulan unsur atau benda yang menjadi kajian kita. Beliau menjelaskan lagi bahawa unsur atau unit asas ialah tiap-tiap ahli dari populasi yang boleh digunakan untuk pemilihan ke dalam sampel.

Bagi penyelidikan ini populasi yang dikaji adalah terdiri daripada masyarakat negeri Pulau Pinang itu sendiri. Pertama sekali populasi tersebut dibahagikan kepada dua strata iaitu rakyat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Kemudiannya strata tersebut dipecahkan lagi kepada 4 bahagian, iaitu pertama : masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dengan SPI yang beragama Islam, kedua: masyarakat Pulau Pinang yang tidak berurusan dengan SPI bagi yang beragama Islam, ketiga : masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dengan SPI yang bukan beragama Islam dan keempat : masyarakat Pulau

Pinang yang tidak berurusan dengan SPI bagi yang bukan beragama Islam. Untuk lebih jelas, susunan populasi ini dapat dilihat pada Carta 1.1 di bawah.




Carta 1.1 : Susunan Populasi Penyelidikan.

**b) Sampel Penyelidikan.**

Menurut Mary (1985), sampel ialah subset kepada populasi. Dari sampel ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang boleh dianggap tepat sebagai populasi. Menurut beliau lagi, adalah susah bagi seseorang menghabiskan masa, wang dan usaha untuk menemui setiap responden di dalam populasi. Ahmad Mahdzan (1989) pula mengatakan sampel ialah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil dari rangka persampelan. Beliau menekankan bahawa sampel mewakili sesuatu populasi dalam sebarang tinjauan. Manakala tinjauan pula bertujuan membuat kesimpulan mengenai populasi berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam sampel.

Bagi penyelidikan ini saiz sampel yang terlibat untuk mewakili populasi masyarakat Pulau Pinang ialah seramai 125 orang responden. Daripada 125 orang responden yang dipilih, 63 orang daripadanya adalah masyarakat Pulau Pinang yang beragama Islam dan 62 orang bukan beragama Islam. Daripada 63 orang responden yang beragama Islam pula, 32 orang daripadanya adalah masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dengan SPI dan 31 orang lagi masyarakat yang tidak berurusan dengan SPI. Manakala bagi yang bukan beragama Islam pula, daripada 62 orang responden kesemuanya, 31 orang daripadanya adalah masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dengan SPI dan 31 orang lagi adalah masyarakat yang tidak berurusan dengan SPI. Susunan saiz sampel ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada Carta 1.2 di bawah.




Carta 1.2 : Susunan Saiz Sampel (Responden)

### 1.3.6 Teknik Pemilihan Sampel Penyelidikan

Sebelum pemilihan sampel yang mewakili populasi masyarakat Pulau Pinang dibuat, terlebih dahulu populasi tersebut dibahagikan kepada 2 kumpulan responden, iaitu responden yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Kemudiannya kumpulan ini dipecah kepada 4 kumpulan kecil, iaitu responden yang berurusan dan tidak berurusan dengan SPI bagi yang beragama Islam dan yang berurusan dan tidak berurusan dengan SPI bagi yang bukan beragama Islam.

Bagi penyelidikan ini, untuk mendapatkan jumlah sampel yang dikehendaki, pada peringkat awalnya penyelidik telah menggunakan dua cara iaitu, pertama : melalui senarai nama pelanggan yang berurusan dengan SPI bagi beberapa buah bank di negeri ini dan kedua : melalui senarai nama dan alamat daripada buku panduan telefon TELEKOM tahun 2000. Secara ringkasnya melalui senarai nama yang diberikan oleh pihak bank, penyelidik menggunakannya bagi mendapatkan jumlah sampel masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dengan SPI sama ada yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Manakala penggunaan buku panduan telefon pula bagi mendapatkan jumlah sampel masyarakat Pulau Pinang yang berurusan dan tidak berurusan dengan SPI sama ada yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Kemudiannya, berdasarkan senarai nama tersebut penyelidik telah menggunakan teknik pemilihan sampel rawak berstrata sistematik (*Systematic Stratify Random*) untuk memilih sampel yang dikehendaki. Untuk lebih jelas, Carta 1.3 di bawah menunjukkan susunan cara dapatan senarai nama dan alamat sampel pada peringkat awal penyelidikan.



Carta 1.3 : Cara Dapatan Senarai Nama Dan Alamat Sampel

Bagi mengenalpasti permasalahan yang berkaitan dengan *syariah* pula, sampel tokoh-tokoh agama yang dipilih ialah Mufti-mufti Kerajaan bagi setiap negeri. Seramai 14 orang mufti telah dipilih, tetapi hanya seramai 6 orang sahaja yang berminat memberikan maklumbalas.

### 1.3.7 Pengumpulan Data Penyelidikan

#### (a) Jenis Data Penyelidikan

Terdapat dua jenis data yang dikumpulkan dalam penyelidikan ini iaitu data primer dan data sekunder. Untuk memperolehi data-data primer satu set soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada responden-responden yang terpilih bagi mewakili masyarakat Pulau Pinang. Untuk mendapatkan data-data sekunder pula, penyelidikan perpustakaan (*library research*) dijalankan di beberapa perpustakaan utama negara seperti di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan beberapa institusi penyelidikan seperti BIMB Institute Of Research And Training Sdn Bhd, Bank Negara Malaysia dan lain-lain. Data-data

tersebut diperolehi dari bahan-bahan bacaan seperti dokumen-dokumen, buku-buku, laporan-laporan tahunan, keratan akhbar-akhbar, jurnal, majalah dan internet.

Manakala untuk menjawab pernyataan masalah yang berkaitan dengan *syariah* pula, hanya data-data berbentuk primer sahaja yang dikutip. Untuk memperolehi maklumat yang diinginkan satu set soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada Mufti-mufti Kerajaan Negeri di negara ini.

#### b) Teknik Pengumpulan Data Penyelidikan

Umumnya, penggunaan soal selidik merupakan teknik utama dalam penyelidikan ini. Untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan dua set soal selidik digunakan kepada sampel terpilih yang terdiri daripada orang-orang perseorangan di Pulau Pinang dan mufti di setiap negeri. Untuk mendapatkan maklumat daripada masyarakat negeri ini, soal selidik yang dibentuk merupakan soalan-soalan tertutup (rujuk Lampiran A). Soalan jenis ini mempunyai beberapa kebaikannya. Kepada responden, soalan sebegini mudah untuk difahami dan senang dijawab dan kepada penyelidik ia mudah dianalisis. Soalan-soalan tertutup juga memudahkan responden untuk memberikan pandangan berkenaan dengan isu-isu yang agak sensitif seperti umur, pendapatan dan lain-lain (Neuman, 1997:240).

Seterusnya tiga kaedah digunakan bagi mendapatkan maklumat, iaitu melalui pos, telefon dan temuduga. Pada peringkat awal penyelidikan, penyelidik terlebih dahulu menggunakan kaedah pos bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Oleh kerana berhadapan dengan masalah maklumbalas yang agak kecil, kaedah telefon digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Namun begitu kaedah ini juga berhadapan dengan kesulitan dan akhirnya penyelidik telah menggunakan kaedah

temuduga. Walau bagaimanapun, penyelidik tetap menggunakan set soal selidik yang sama bagi ketiga-tiga kaedah yang digunapakai.

Berikut ialah jumlah pecahan kepada tiga kaedah yang digunakan. Daripada 125 maklumbalas yang diperolehi, 67 daripadanya diperolehi melalui kaedah temuduga, 45 melalui kaedah pos dan 13 melalui kaedah telefon. Manakala tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan maklumbalas ialah selama hampir tiga bulan.

Bagi mendapatkan maklumbalas daripada Mufti-mufti Kerajaan Negeri di negara ini pula, soal selidik yang dibentuk lebih kepada soalan-soalan berbentuk terbuka. Penggunaan teknik ini dirasakan lebih berkesan bagi membolehkan tokoh-tokoh agama bebas mengemukakan pandangan mereka sebanyak mungkin. Pada asasnya teknik ini digunakan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kedudukan semasa dan masa hadapan SPI, beberapa dakwaan yang dihadapi, langkah-langkah wajar yang perlu diambil bagi menangani masalah yang dihadapi dan langkah-langkah untuk menggalakkan lagi orang ramai terlibat dengan SPI. Penggunaan teknik ini dijangkakan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkara-perkara yang sedang berlaku pada masa sekarang. Teknik ini juga dijangkakan dapat menjelaskan serta memperkukuhkan maklumat-maklumat yang diperolehi melalui bahan-bahan bacaan. Sesungguhnya maklumbalas tokoh-tokoh agama ini adalah penting terutamanya bagi menjawab soalan, sama ada produk-produk SPI yang ditawarkan menepati prinsip-prinsip *syariah*. Soalan ini merupakan salah satu objektif penyelidikan ini. Di sini, penyelidik sekali lagi telah menggunakan kaedah pos untuk mendapatkan maklumbalas.



c) Teknik Analisis Data Primer Penyelidikan

Bagi menganalisis data yang dikumpul dari sampel rakyat Pulau Pinang, analisis kuantitatif digunakan. Pemilihan analisis ini didapati telah membantu penyelidik dalam membuat perbandingan jawapan antara responden dengan mudah dan lebih teratur. Data-data primer yang telah dikutip kemudiannya dianalisa dengan menggunakan pakej pemrosesan data melalui perisian komputer SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) bagi mendapatkan frekuensi sesuatu pembolehubah yang dikenalpasti.

### 1.3.8 Skop Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan hanya tertumpu kepada mendapat maklumbalas daripada responden yang terdiri daripada masyarakat Pulau Pinang. Maklumbalas yang diharapkan bertujuan untuk melihat bagaimanakah persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap SPI adakah ia positif atau negatif dan adakah ia diterima atau ditolak. Penyelidikan ini juga turut bertumpu kepada maklumbalas daripada Mufti-mufti Kerajaan Negeri di negara ini bagi menjawab pernyataan masalah yang berkaitan dengan *syariah*.

### 1.3.9 Batasan Penyelidikan.

Penyelidikan ini mengenalpasti empat batasan utama iaitu;

- a) Batasan lokasi penyelidikan : Fokus penyelidikan ini ialah kepada negeri Pulau Pinang. Negeri ini telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana penduduk berbilang kaumnya yang agak seimbang. Dengan jumlah penduduk Bumiputera seramai 488,700 orang (40.7%) yang mempunyai pecahan Melayu 486,700 orang (99.6%) dan lain-lain Bumiputera 1,900 orang (0.4%), Cina 581,900 (48.5%)

orang, India 129,500 orang (10.8%) dan lain-lain kaum 6,600 orang (0.5%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1998), membolehkan pelbagai persepsi diperolehi. Ini kerana setiap kaum sudah pasti mempunyai persepsi tersendiri dan cara penerimaan yang berbeza berhubung dengan SPI. Berdasarkan jumlah penduduk bukan Islam yang ramai di negeri ini, pemilihannya adalah dirasakan bertepatan kerana SPI bukan hanya untuk orang-orang muslim sahaja tetapi untuk semua kaum. Ini seiring dengan matlamat SPI itu sendiri, iaitu menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat bank atas landasan prinsip, peraturan dan amalan Islam kepada semua rakyat negara ini.

- b) Batasan objek penyelidikan : Penyelidikan yang dijalankan melibatkan unsur manusia sebagai sampel yang terdedah kepada pengaruh keadaan sekeliling. Penyelidik menghadapi masalah kurang maklumbalas daripada responden. Masalah ini ketara semasa penyelidik menggunakan kaedah pos bagi mengutip data. Dalam konteks ini, penyelidik terpaksa mengirim surat susulan untuk mengingatkan responden dan menyatakan kepentingan kerjasama daripada mereka.
  
- c) Batasan “kerahsiaan” agensi : Kesukaran untuk mendapatkan maklumat dari beberapa agensi yang terlibat juga turut membatasi perolehan maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik. Sebagai contoh penyelidik berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan maklumat dari pihak ini kerana prinsip “kerahsiaan” yang diamalkan.

- d) Batasan sukatan nilai “berkecuali” : Oleh kerana penyelidikan ini bertujuan melihat persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap SPI sama ada positif atau negatif maka sukatan yang digunakan adalah ordinal :
- i. Sangat baik, baik, tidak baik dan sangat tidak baik,
  - ii. sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dan
  - iii. sangat mencukupi, mencukupi, tidak mencukupi dan sangat tidak mencukupi.

Responden diajukan juga dengan soalan “berkecuali” dalam soalselidik. Namun jawapan “berkecuali” yang diterima daripada responden itu tidak akan diambilkira di dalam penentuan terima atau tolak persoalan penyelidikan. Keputusan ini dibuat memandangkan penyelidikan ini tidak menjalani ujian perintis. Ia memungkinan jawapan “berkecuali” itu membawa kepada tafsiran yang berbeza.

- e) Kesan campur aduk maklumat ;- Memandangkan pengumpulan maklumat primer melibatkan 3 cara utama; pos, telefon dan temuduga (rujuk bahagian 1.3.7 (b)), masalah kesan campur aduk maklumat mungkin timbul. Namun penyelidik yakin bahawa maklumat yang dikumpul itu masih boleh diyakini (*reliable*) oleh kerana ketiga-tiga cara itu adalah berasaskan kepada set soalselidik yang sama.

#### 1.4 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Biarpun telah 17 tahun SPI bertapak di negara ini, kita masih lagi kabur dan tidak mengetahui secara terperinci dan pasti tentang bagaimana perkembangan atau kedudukannya sehingga sekarang. Dengan pelbagai dakwaan yang dilemparkan di awal pengenalannya, kita ragu ia masih lagi relevan atau tidak pada masa sekarang. Adakah sistem ini telah mula diterima oleh orang ramai dengan lapang dada. Berdasarkan persoalan di atas penyelidik merasakan penyelidikan ini amat diperlukan dan diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang SPI pada masa sekarang dan hala tujunya pada masa depan. Melalui penyelidikan ini juga penyelidik berharap dapat mengenalpasti masalah yang wujud dalam perkembangan SPI dan langkah-langkah yang dapat menggalakkan lagi orang ramai berurusan dengan sistem ini.

Kecenderungan penyelidik untuk menjalankan penyelidikan juga turut dipengaruhi oleh alasan di mana setakat ini belum ada penyelidikan seumpama ini dijalankan oleh sarjana-sarjana tempatan mahupun luar negara yang mengkaji persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap SPI khususnya di negeri Pulau Pinang. Pada peringkat awal perbincangan tajuk, penyelidik telah banyak membuat tinjauan ke atas agensi-agensi yang terbabit dengan SPI dan perpustakaan di beberapa universiti tempatan bagi mendapatkan maklumat sama ada sudah ada atau tidak individu-individu atau agensi-agensi yang menjalankan kajian berkaitan dengan persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap SPI. Maklumat dan maklumbalas yang diperolehi daripada tinjauan itu jelas menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas yang dijalankan terhadap SPI lebih menjurus kepada perjalanan Bank Islam dan produk-produk yang ditawarkan di dalam SPI sahaja. Kesimpulannya, berdasarkan faktor-faktor di ataslah penyelidik merasakan penyelidikan ini perlu diusahakan.

## 1.5 ORGANISASI TESIS

Tesis ini dibahagikan kepada 6 bab semuanya. Bab 1 hingga 5 adalah bab-bab utama, manakala bab 6 adalah epilog. Huraian ringkas setiap bab adalah seperti berikut.

Bab pertama menghuraikan tentang latarbelakang penyelidikan, kenyataan permasalahan, metodologi dan kepentingan penyelidikan. Metodologi yang dibincangkan termasuklah objektif, persoalan penyelidikan, populasi dan sampel, teknik pemilihan sampel, pengumpulan data dan keterbatasan penyelidikan.

Bab dua pula mengemukakan sorotan karya terpilih yang mengutarakan teoritis penyelidikan dan prinsip-prinsip *syariah* yang berkaitan dengan SPI. Bab ketiga pula menyentuh secara khusus sejarah dan perkembangan SPI di dunia dan di negara ini. Bab ini juga turut memaparkan isu dan cabaran SPI menjelang tahun 2020, perbezaan yang terdapat di antara SPI dan SPK, seterusnya peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Syariah dan Bank Negara Malaysia di dalam SPI.

Bab keempat pula merupakan perbincangan utama tesis ini yang memaparkan keputusan empirik kajian. Umumnya bab ini akan menghuraikan keputusan hasil daripada maklumbalas responden yang terdiri daripada masyarakat Pulau Pinang dan diikuti dengan penemuan utama. Bab 5 merupakan bab yang akan mengemukakan beberapa cadangan yang dirasakan oleh penyelidik dapat mempertingkatkan lagi perkembangan SPI dituruti dengan kesimpulan bagi keseluruhan tesis ini. Akhir sekali bab 6 adalah epilog yang membincangkan maklumbalas daripada Mufti-mufti Kerajaan Negeri bertujuan menjawab objektif dan persoalan penyelidikan tambahan.

## BAB II

### SOROTAN KARYA TERPILIH

#### 2.0 PENGENALAN

Perkara pertama yang dibincangkan di dalam bab ini ialah mengenai persepsi sarjana yang berorientasikan barat dan Islam terhadap sistem perbankan yang dijalankan pada masa sekarang. Tumpuan yang lebih mendalam diberikan pada pandangan mereka mengenai kadar bunga yang diamalkan dan pengharaman *riba*'. Ini diikuti dengan perbincangan beberapa prinsip-prinsip *syariah* yang digunakan dalam SPI. Di akhir bab ini dipaparkan jumlah dan nama-nama produk SPI yang diamalkan di Malaysia di awal pengenalannya dan pada masa sekarang.

#### 2.1 KADAR BUNGA DAN *RIBA*'

##### 2.1.1 Adakah kadar Bunga Itu *Riba*'?

Menurut Azlan (1995) kadar bunga atau kadar faedah ialah harga yang dibayar bagi penggunaan wang pada sesuatu waktu. Kadar bunga biasanya digambarkan sebagai satu peratusan tertentu daripada satu jumlah permulaan prinsipal yang dipinjamkan. Dalam bentuk formula modal prinsipal yang dicampur kadar bunga ( $S$ ), boleh ditulis sebagai berdasarkan persamaan  $S=(1+i) P$ . Sebagai contoh,  $S$  akan diperolehi sebanyak RM110,